



AMIRUL Feisal (kanan) menyampaikan anugerah kepada Dzameer dan Keeran.

## Iclif umum 4 pemenang

**Kuala Lumpur:** Pusat Ke-pemimpinan Kewangan An-tarabangsa (Iclif), julung kali menganjurkan Anugerah Kepimpinan Tenaga Iclif 2015 dan mengumumkan empat pemenang utamanya di Sidang Kemun-cak Tenaga Kepe-mimpinan Asia 2015 (LESA).

Ketua Kumpu-lan Perbankan Global Maybank Datuk Amirul Feisal Wan Zahir berkata, anugerah yang diadakan sempena LESA itu berjaya mencungkil bakat golongan muda menjadi pemimpin.

“Masa depan yang cemerlang hanya boleh dibina dengan galakkan serta soko-ngan padu dan juga tenaga

yang berterusan. Semua pe-menang membuktikan mereka mampu mencipta masa hadapan yang baik bukan sahaja untuk diri sendiri, bahkan untuk masyarakat

sekeliling,” katanya selepas majlis Anu-gerah Kepimpinan Tenaga Iclif 2015, di sini, semalam.

Menurutnya, kepimpinan yang ditonjolkan semua peserta mempengaruhi ba-nyak perkara, sekali gus memberi impak kepada in-dividu dan keluarga.

Pensyarah dari Fakulti Ba-hasa Moden dan Komunikasi Universiti Putra Malaysia (UPM) Prof Dr S Vijayale-tchumy menjadi satu-satu-

nya pemenang wanita ber-ikutan kejayaannya dalam mewujudkan perubahan dan mengekalkan momentum walaupun berdepan dengan cabaran.

Dr Vijayaletchumy mewu-judkan perisian yang direka untuk membantu kanak-kanak disleksia visual, masalah pembelajaran dan kanak-kanak prasekolah belaj-ar mengucap, mengeja dan membaca bahasa Malaysia dengan berkesan dalam tempoh enam bulan.

Tiga pemenang lain ialah pengasas bersama, Dzameer Dzulkipli dan Keeran Siva-rajah bagi program Teach for Malaysia dan Ketua Pegawai Eksekutif Epic Home, John-Son Oei turut mene-rima anugerah sama.

**FAKTA**  
cungkil bakat  
golongan muda  
jadi pemimpin